

ENERLYTE ORAL REHYDRATION SALTS (NATURAL)[®]

Sodium chloride/Trisodium citrate/Potassium chloride/Glucose anhydrous (650mg/725mg/ 375mg/3.375g)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Enerlyte
2. Bagaimana Enerlyte berfungsi
3. Sebelum menggunakan Enerlyte
4. Cara menggunakan Enerlyte
5. Semasa menggunakan Enerlyte
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Enerlyte
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

Apakah kegunaan Enerlyte

Enerlyte digunakan untuk mengganti air dan elektrolit yang hilang disebabkan oleh cirit-birit atau muntah.

Bagaimana Enerlyte berfungsi

Enerlyte mengandungi Sodium chloride, Trisodium citrate, Potassium chloride dan Glucose anhydrous. Penyerapan elektrolit dan air akan mengganti semula kehilangannya.

Hubungi doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang persoalan tentang tujuan Enerlyte dibekalkan kepada anda. Doktor anda mungkin membekalkan Enerlyte untuk tujuan lain.

Sebelum menggunakan Enerlyte

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil ubat ini jika anda mempunyai alahan terhadap sebarang bahan

kandungan yang disenaraikan pada hujung risalah ini.

Penggunaan rehidrasi oral tidak boleh digunakan kecuali dalam keadaan tertentu:

- tiada atau sedikit pengeluaran air kencing, dehidrasi teruk dengan gejala kejutan (contohnya denyutan jantung yang laju, penafasan yang lemah dan cepat serta tekanan darah yang rendah), cirit-birit yang teruk, ketidakupayaan untuk minum, muntah yang teruk dan berterusan.
- gangguan penyerapan glukosa
- halangan, lubang atau gerakan usus yang lambat

Jangan mengambil Enerlyte selepas tarikh luput pada pek ini atau jika bungkusannya koyak atau terdapat tanda dibuka.

Jika ia sudah luput atau rosak, kembalikan kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan.

Jika anda tidak pasti sama ada anda patut mula mengambil ubat ini, sila tanya doktor anda.

- Sebelum menggunakan Enerlyte

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai alahan terhadap sebarang ubat, makanan, pengawet atau pewarna.

Beritahu doktor anda jika anda hamil.

Penyusuan berterusan semasa terapi rehidrasi oral adalah penting untuk pengurusan cirit-birit.

Enerlyte harus digunakan dengan hati-hati di kalangan orang yang mempunyai fungsi buah pinggang yang terjejas, tekanan darah tinggi, kencing manis atau masalah jantung.

- Jika mengambil ubat-ubatan lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat lain, termasuk sebarang ubat yang anda beli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Sehingga kini, tiada sebarang tindak balas yang dilaporkan.

Cara menggunakan Enerlyte

Patuhi semua arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti.

Arahan-arahan ini mungkin berbeza daripada maklumat yang terkandung dalam risalah ini.

Sekiranya anda tidak faham arahan tersebut, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa banyak harus digunakan

Tambah 250ml air masak sejuk ke dalam kandungan satu paket Enerlyte. Kacau atau goncang untuk 2 hingga 3 minit untuk melarutkannya.

Orang dewasa dan kanak-kanak lebih 10 tahun:

4 sajian dalam masa 2 jam yang pertama

12 sajian dalam 24 jam

Kanak-kanak (2 hingga 10 tahun):

3 sajian dalam masa 2 jam yang pertama

6 sajian dalam 24 jam

Kanak-kanak (sehingga umur 2 tahun):

1 sajian dalam masa 2 jam yang pertama

3 sajian dalam 24 jam

- Bila perlu digunakan
Ambil Enerlyte seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

- Berapa lama perlu digunakan
Teruskan mengambil Enerlyte selagi diarahkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan
Jangan gandakan dos untuk menggantikan dos yang terlupa.

Jika anda mempunyai masalah untuk mengingat masa pengambilan ubat, tanya ahli farmasi anda untuk dapatkan petua.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda fikir, anda atau orang lain mungkin terlebih mengambil Enerlyte, hubungi doktor anda untuk mendapatkan nasihat atau pergi ke bahagian kecemasan hospital yang terdekat dengan segera.

Ini mesti dilakukan walaupun tiada tanda ketidakselesaan atau keracunan.

Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera.

Jika kelopak mata bengkak, ini adalah gejala penghidratan yang terlebih dan terapi mungkin perlu dihentikan buat sementara waktu.

Semasa menggunakan Enerlyte

- Perkara yang perlu dilakukan

Jika rasa loya atau muntah-muntah berlaku, dan di kalangan bayi dan kanak-kanak, minum larutan perlahan-lahan dalam jarak pengambilan yang lebih pendek untuk mengurangkan muntah-muntah dan meningkatkan penyerapan.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mengambil Enerlyte untuk merawat sebarang

masalah lain melainkan diarah oleh doktor anda.

Jangan beri ubat anda kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

- Campur Enerlyte dengan air masak yang segar sahaja. Jangan campur dengan minuman bergas, jus atau susu.
- Jangan dididihkan larutan
- Sediakan dan guna larutan yang baru disediakan sahaja.
- Makan makanan lembut, seperti bijirin, pisang, kacang pea, kacang dan kentang yang telah dimasak, untuk mengekalkan nutrisi.
- Minum air di antara dos.

Berhati-hati apabila memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana Enerlyte mempengaruhi anda.

Kesan-kesan sampingan

Semua ubat boleh membawa kesan sampingan. Kadang kala kesan sampingan ini serius, tetapi selalunya tidak. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan jika anda mengalami sesetengah kesan sampingan.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai sebarang persoalan.

Muntah-muntah yang ringan mungkin berlaku semasa permulaan terapi oral tetapi terapi perlu diteruskan dengan pengambilan larutan yang sedikit dengan diberikan secara kerap dan perlahan.

Jarang-jarang, simptom paras natrium tinggi di dalam darah (pening, denyutan jantung cepat, tekanan darah tinggi, cepat marah, kekejangan otot, kegelisahan, sawan, bengkak pada bahagian bawah kaki atau kelemahan) mungkin akan berlaku.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mendapati apa-apa yang membuatkan anda rasa tidak sihat. Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin berlaku di kalangan sesetengah orang.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835490, atau laman web www.npra.gov.my [Consumers→ Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Enerlyte

- Penyimpanan

Simpan ubat anda dalam pek asalnya. Jika anda mengeluarkan ubat daripada pek asalnya, ia mungkin tidak dapat dikekalkan dalam keadaan yang baik.

Simpan ubat anda di tempat kering suhu bawah 30°C. Lindungi daripada cahaya.

Jangan simpan Enerlyte atau ubat lain dalam bilik mandi atau dekat sinki.

Jangan tinggalkan ubat di dalam kereta atau atas unjuran tapak tingkap.

Haba dan kelembapan boleh merosakkan sesetengah ubat.

Simpan di tempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak.

Almari yang berkunci sekurang-kurangnya satu setengah meter dari aras lantai ialah tempat yang sesuai untuk menyimpan ubat.

- Pelupusan

Jika doktor anda mengarahkan anda berhenti mengambil Enerlyte atau ubat ini sudah

melepasi tarikh luputnya, sila tanya ahli farmasi anda apa yang patut dilakukan dengan sebarang ubat yang tinggal.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Granul berwarna putih hingga putih kekuningan, apabila dilarutkan dalam air menghasilkan larutan jernih hingga sedikit keruh.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif:

- Sodium chloride
- Trisodium citrate
- Potassium chloride
- Glucose anhydrous

- Bahan tidak aktif:

- PEG 4000

- Nombor MAL

MAL07061572XZ

Pengilang

Duopharma Manufacturing (Bangi) Sdn Bhd.

Lot No. 2 & 4, Jalan P/7, Section 13, Bangi Industrial Estate, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Duopharma Marketing Sdn. Bhd

Lot 2,4,6,8 & 10, Jalan P/7, Section 13, Bangi Industrial Estate, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor, Malaysia.

Tarikh kemaskini RIMUP

04/07/2019

Nombor Siri:

NPRA (R4/1)071118/00325